



## "ISLAM ITU PENYELAMAT"

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ  
مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ  
يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَإِيَّايَ بَتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تُمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita digolongkan di kalangan orang-orang yang selamat di dunia dan di akhirat kerana istaqamah dengan Islam.

Islam bererti menyerah diri dan tunduk kepada Allah SWT. Islam berasal dari kalimah salima yang bererti selamat dan sejahtera. Justeru, ia memberi mesej bahawa untuk selamat dan mendapat kesejahteraan, kita sebagai hamba-Nya hendaklah tunduk menyerah diri kepada Allah SWT, Tuhan yang mencipta kita. Hanya dengan Islam, kita akan mendapat keselamatan yang hakiki.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Rasulullah s.a.w pernah menghantar surat kepada ketua kerajaan Rom dalam misi dakwahnya yang tertulis seperti berikut;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، مِنْ مُحَمَّدٍ عَبْدِ  
اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى هِرَقْلَ عَظِيمِ الرُّوْمِ، سَلَامٌ  
عَلَى مَنِ اتَّبَعَ الْهُدَى، أَمَّا بَعْدُ، فَإِنِّي أَدْعُوكَ  
بِدِعَايَةِ الإِسْلَامِ. أَسْلِمْ تَسْلِمْ. يُؤْتِكَ اللَّهُ



أَجْرَكَ مَرَّتَيْنِ. إِنْ تَوَلَّتْ عَلَيْكَ إِثْمَمْ  
الْأَرْبَيْسِينَ.

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad, hamba Allah dan utusan-Nya; kepada Herkulis, Maharaja Rom. Salam sejahtera ke atas sesiapa yang mengikut petunjuk. Dengan itu, saya menyeru engkau dengan seruan Islam. Masuklah Islam, nescaya engkau selamat. Allah akan memberimu ganjaran dua kali. Maka jika engkau berpaling, maka engkau akan menanggung dosa rakyatmu termasuk para petani dan peladangnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)

Dalam seruan ini, baginda menegaskan bahawa tindakan memeluk Islam akan menyelamatkan manusia termasuk para pembesar yang memerintah. Sebaliknya, manusia yang berpaling dari Islam akan menanggung dosa. Jika dia seorang raja dan pemimpin, maka dia akan menanggung dosa rakyatnya yang tidak memeluk Islam jika dia tidak menyeru rakyatnya untuk memeluk Islam. Ini kerana manusia secara nalurinya mudah menurut agama dan kepercayaan para pemimpin mereka.

Islam menyelamatkan seluruh makhluk termasuk manusia dan jin. Islam menyelamatkan manusia dalam dua alam kehidupan iaitu:

Pertama : Islam menyelamatkan manusia di alam akhirat. Hanya Mereka yang beriman akan diterima oleh Allah SWT dan selamat dari azab neraka. Seorang Muslim adalah



manusia yang tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah SWT.

Firman Allah dalam surah Ali 'Imran ayat 85:

وَمَنْ يَبْتَغُ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ  
وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ



"Sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya; pada hari akhirat kelak dia tergolong daripada orang yang rugi".

Kedua : Islam menyelamatkan manusia di dunia. Hanya dengan Islam, kita dapat menjalani kehidupan kita sebagai manusia dengan selamat. Islam-lah yang telah menyelamatkan manusia daripada kegelapan jahiliyyah. Pada zaman Rasulullah s.a.w. Manusia diberi bimbingan supaya menjadi makhluk yang mulia dan bermaruah. Islam jugalah yang telah menyelamatkan manusia di seluruh dunia dari kezaliman Raja Rom dan Parsi. Sistem keadilan Islam telah menjadikan manusia bebas sebagai rakyat di bawah undang-undangnya. Islam jugalah yang akan menyelamatkan manusia hari ini dari segala kecelaruan dan kerosakan moral jahiliyyah.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Dunia dan manusia hari ini berada di tepi jurang kehancuran. Ia bukan kerana bahaya penyakit dan kematian mahu pun bencana alam



yang memusnahkan sebahagian manusia, tetapi kemusnahaan yang lebih hebat berlaku disebabkan oleh sikap manusia yang mula menolak nilai-nilai agama dan kebaikan dari kehidupan mereka. Apabila manusia hidup hanya berpandukan logik akal dan kemahuan mereka sendiri tanpa bimbingan wahyu, mereka akan berdepan dengan kebinasaan. Apa yang binasa bukanlah tubuh badan dan kesihatan mereka. Sebaliknya unsur dan nilai kemanusiaan hilang dalam diri dan masyarakat sehingga mereka tidak ada beza dengan binatang buas dan haiwan ternak.

Manusia pada zahirnya kekal hidup dan sihat tanpa agama itu tidak mempunyai peri kemanusiaan lagi. Ada yang membunuh anak-anak sendiri yang masih bayi. Ada yang menzalimi sesama manusia; menipu dan memperdayakan orang lain, mempergunakan undang-undang untuk keuntungan diri sendiri walaupun menganiaya orang susah dan miskin. Sedangkan haiwan dan serangga seperti lebah dan semut pun hidup bekerjasama, untuk manfaat dan maslahat bersama. Malangnya, manusia yang tidak dipandu agama yang benar sanggup menindas manusia lain kerana pemikirannya yang sudah menyimpang.

Ada segelintir manusia pula yang percaya bahawa mereka berasal daripada haiwan, berubah beransur-ansur sehingga menjadi manusia. Ada pula manusia menganggap tidak salah berpakaian mendedahkan tubuh badan kerana pada pandangan mereka manusia perlu mengikuti perkembangan fesyen zaman moden.

Semua ini berlaku kerana manusia jauh daripada bimbingan Allah yang mencipta mereka dan mereka cuba mentadbir urusan hidup mereka sendiri. Mereka semakin jauh dari nilai-nilai manusia yang membezakan mereka dengan haiwan.



Di sinilah pentingnya Islam sebagai agama penyelamat yang diturunkan oleh Allah SWT. Namun, Islam tidak akan dapat menunaikan tugas untuk menyelamatkan manusia sekiranya ia hanya dijadikan agama upacara dan acara tertentu sahaja. Islam perlu ditegakkan sebagai sistem kehidupan, dasar negara dan perundangan yang mengatur hubungan sesama manusia. Hanya dengan berpegang kepada ajaran Islam, manusia akan selamat dalam kehidupan dunia dan menjadi khalifah yang mentadbir dunia dengan adil dan sejahtera.

Untuk hidup sempurna mengikut Islam, semua pihak hendaklah sentiasa memastikan tindak-tanduk dan perlakuan berada dalam landasan Islam. Semuanya bermula dengan kesedaran betapa pentingnya ilmu khususnya ilmu-ilmu Islam. Ini kerana urusan yang berlaku dalam masyarakat hanya dirujuk kepada ilmu yang sebenar.

Kita hendaklah kembali kepada aqidah Islam yang sebenar. Ini kerana kecelaruan umat hari ini adalah disebabkan oleh kelemahan aqidah yang boleh menghancurkan masyarakat. Mudah-mudahan kita akan diselamatkan oleh Allah di dunia dan di akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ  
مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي أَرَتَضَى لَهُمْ



وَلَيْبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا جَيْعَدُونَنِي لَا  
يُشَرِّكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ  
هُمُ الْفَسِقُونَ

"Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal soleh di kalangan kamu bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan serta mengembangkan agama mereka yang telah diredhai-Nya untuk mereka dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan. Mereka terus beribadah kepada-Ku dengan tidak mempersekuatkan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang yang derhaka".

(An-Nur : 55)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَأَيَّاْكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

آمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ。قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيماً。



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَائِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ  
ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلاحِ الدِّينِ  
عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاجُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ  
ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْأَكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ  
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Engkau bukakanlah hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعَمِهِ، يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*

ABU ZAKI/Li

22.11.2011